

Lawatan Kerja Ke Pusat Alumni Institusi Pengajian Tinggi Awam Swasta (IPTAS) Malaysia

Disediakan oleh: Aidy Micheal

Pusat Alumni UMS telah mengadakan Lawatan Kerja Ke Pusat Alumni Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta Malaysia iaitu di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Taylors University Lakeside Campus pada 07 Disember 2012. Fokus utama bagi lawatan ini adalah untuk menentukan kemantapan Pusat Alumni UMS, dan berkembang seiring dengan kecekapan (benchmark) tadbirurus oleh IPTA/S yang lebih terkanan. Oleh yang demikian, antara objektif yang digariskan adalah mempelajari model-model pengurusan Pejabat dan Pusat Alumni dari segi:

- ✓ Tadbir urus pusat berkaitan;
- ✓ Mekanisma dalam pembangunan dan penyelenggaraan pangkalan data Alumni;
- ✓ Konsep aktiviti dan jenis projek berkaitan Alumni;
- ✓ Kaedah penjanaan pendapatan;

✓ Konsep dan susunatur (Layout) ruangan pejabat.

Selain itu, program ini juga dapat mengeratkan hubungan kerjasama (kolaborasi) antara IPTA/S di Malaysia

se secara mapan dan progresif disamping memanfaatkan hubungan antara alma mater ke arah pengantarabangsaan selari dengan konsep Jangkauan Global Malaysia.

